

Oleh Muhaamad Hafis
Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Semua pelajar antara bangsa dari semua negara kecuali United Kingdom (UK) dibenarkan ke kampus secara fizikal bagi sesi pembelajaran tahun 2021 yang akan berkuat kuasa bermula 1 Januari tahun depan.

Menyatakan itu, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, sidang khas kelmarin bersestuju dengan cadangan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) membenarkan kemasukan semua pelajar antarabangsa dari semua negara kecuali United Kingdom (UK) ke kampus secara fizikal.

Menurutnya, kebenaran ini membabitkan pelajar lama dan pelajar yang diterima masuk oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) - awam dan swasta serta mempunyai penginapan tetap di Malaysia.

"Prosedur operasi standard (SOP) bagi ujian calitan Covid-19 dan perintah kua-

Dibenar pulang ke kampus

Pelajar antarabangsa kecuali dari UK boleh belajar secara fizikal mulai 1 Januari 2021



Kos ujian calitan Covid-19 dan kuarantin perlu ditanggung oleh pelajar berkenaan dan SOP syarat terperinci mengenai pembelajaran akan diumumkan oleh KPT"

Ismail Sabri Yaakob

rantin tertakluk kepada pengarahan sedia ada bagi semua pengembala dari luar negara.

"Pelajar perlu melakukan ujian saringan Covid-19 tiga hari sebelum berlepas ke Malaysia dan sekali lagi se-

tibanya di pintu masuk negara," katanya pada sidang media MKN di sini, semalam.

Ismail Sabri berkata, mereka juga perlu menjalani kuarantin wajib di pusat kuarantin yang diwartakan oleh kerajaan selama 10 hari.

"Kos ujian calitan Covid-19 dan kuarantin perlu ditanggung oleh pelajar berkenaan dan SOP syarat terperinci mengenai pembelajaran akan diumumkan oleh KPT.

"Sidang khas semalam turut bersestuju membenarkan kemasukan pelajar bukan warganegara kecuali dari United Kingdom (UK) yang datang bersama pengiring untuk belajar di sekolah an-

tarabangsa dan swasta di Malaysia," katanya.

Beliau berkata, kebenaran ini akan berkuat kuasa bermula 1 Januari 2021 dan hanya tertakluk kepada pelajar sedia ada yang diluluskan permohonan serta mendapat visa dari Jabatan Imigresen Malaysia.

"Pelajar dan pengiring perlu melakukan ujian saringan Covid-19 tiga hari sebelum berlepas ke Malaysia dan sekali lagi setibanya di pintu masuk negara.

"Perlu menjalani kuarantin wajib selama 10 hari di pusat kuarantin yang diwartakan oleh kerajaan dengan kos ujian calitan Covid-19 dan kuarantin perlu ditanggung oleh pelajar berkenaan," katanya.